

# Penubuhan Aman Malaysia bukan bermotif politik

UM 24 JAN 2003  
KUALA LUMPUR 23

Jan. — Penubuhan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) bukan bermotifkan politik, sebaliknya ia merupakan lambang kebangkitan rakyat Malaysia yang bersatu menentang ketidakadilan negara kuasa besar dalam menangani isu keganasan.

Penyelaras Kumpulan Kerja Aman Malaysia, Zulkifli Alwi berkata, Aman Malaysia merupakan inisiatif pelbagai golongan masyarakat yang tidak bersetuju bahawa ancaman penganas di seluruh dunia perlu diselesaikan dengan cara keganasan termasuk perang.

Katanya, ikatan persekutuan yang dicapai oleh 237 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha menjayakan perikatan itu menunjukkan komitmen bersama segenap lapisan rakyat negara ini untuk mewujudkan keamanan berkekalan di dunia.

## Suara rakyat

“Saya menyeru semua pihak menyertai kempen ini kerana ini ialah suara rakyat sama ada kerajaan atau pembangkang yang cintakan keamanan. Program ini terbuka kepada semua organisasi dan individu termasuk politik, badan keagamaan, kesatuan sekerja, belia dan pelajar.

“Malah, kita amat berbesar hati kerana kesemua pertubuhan yang mempunyai keahlian lebih 2.5 juta orang ini mengetepikan ideologi masing-masing dan sekaligus menafikan bahawa Aman Malaysia diwujudkan kerana kepentingan politik mana-



People's Alliance For Peace Malaysia  
Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia

“mana pihak,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas penubuhan Aman Malaysia yang didakwa oleh pihak tertentu sebagai mempunyai kepentingan politik.

## Lokasi

Dalam pada itu Zulkifli berkata, lokasi perhimpunan raksasa 100,000 rakyat Malaysia pada 23 Februari ini yang dijadualkan berlangsung di kawasan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) diubah ke Dataran Merdeka.

Ujarnya, lokasi perhimpunan besar-besaran itu terpaksa diubah memandangkan kawasan sekitar KLCC tidak mampu menampung jumlah kehadiran yang terlalu ramai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka menghadiri perhimpunan itu seterusnya menerima memorandum keamanan daripada Penaung Aman Malaysia, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, sebelum dipanjangkan kepada pemimpin-pemimpin dunia yang menghadiri Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) 20 hingga 25 Februari ini.